



PERATURAN SEPAK TAKRAW (SIRKIT)



1. NAMA

Kejohanan ini dinamakan **Kejohanan Sirkuit Sepaktakraw Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2010**.

2. KELAYAKAN

2.1 Semua Universiti Awam di Malaysia yang bergabung dengan Majlis Sukan Universiti Malaysia layak menyertai

3. Peserta

3.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa diperingkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di Universiti Awam Malaysia yang menjadi ahli MASUM.

3.2 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Universiti masing-masing.

3.3 Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian. Hanya pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, Matrikulasi dan Kursus Asasi yang diuruskan oleh Universiti berkenaan dibenarkan mengambil bahagian.

3.4 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili Universiti sehingga semester berkenaan berakhir sahaja.

3.5 Tiap-tiap pasukan dikehendaki mengemukakan borang penyertaan kepada pihak pengelola mengikut tarikh tutup yang telah ditetapkan.

3.6 Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh pasukan kepada pihak pengelola tidak lewat dari tarikh yang telah ditetapkan. Pertukaran peserta boleh dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan sebelum pertandingan bermula.

4. PERATURAN

- 4.1 Selain dari peraturan yang terkandung, maka Sepaktakraw Sirkuit ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Gabungan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa pada ketika ini.
- 4.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan dan undang-undang berkenaan diputuskan seperti berikut:
 - 4.2.1 Semua kejadian akan diputuskan oleh Ahli MASUM.
 - 4.2.2 Sebarang persoalan tentang teknikal akan dijawab oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.
- 4.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 4.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Ahli MASUM atau Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM adalah muktamad.

5. PENDAFTARAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 5.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan pemain masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.
- 5.2 Setiap pemain hanya dibenarkan bermain bagi **SATU** acara sahaja.
- 5.3 Setiap pasukan hanya akan diwakili oleh:

5.3.1 Antara Regu Lelaki

Sekurang-kurangnya **SATU** regu dan tidak lebih dari **TIGA REGU** yang mengandungi 3 orang dan tidak lebih 5 orang pemain setiap REGU.

Sepak Takraw	Pengurus	Jurulatih	Pemain	Jumlah
Minimum	1	1	3	5
Maksimum	1	1	5	7

5.3.2 Bergu Lelaki

Hanya **SATU** regu sahaja yang mengandungi sekurang-kurangnya 2 orang pemain dan tidak melebihi 4 orang pemain setiap regu

Sepak Takraw	Pengurus	Jurulatih	Pemain	Jumlah
Minimum	1	1	2	4
Maksimum	1	1	4	6

5.3.3 Antara Regu Wanita

Hanya **SATU** regu sahaja yang mengandungi sekurang-kurangnya 3 orang pemain dan tidak melebihi 5 orang pemain setiap regu.

Sepak Takraw	Pengurus	Jurulatih	Pemain	Jumlah
Minimum	1	1	3	5
Maksimum	1	1	5	7

- 5.4 Seseorang pemain berdaftar hanya boleh mewakili **SATU REGU** sahaja. Jika mana-mana pemain didapati telah berdaftar lebih dari **SATU REGU**, maka pemain berkenaan secara automatik akan digantung daripada menyertai keseluruhan kejohanan ini dan **PASUKAN** tersebut akan dihadapkan kepada tindakan tatatertib.
- 5.5 **BORANG PENDAFTARAN PEMAIN** hendaklah diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan **MASUM** pada atau sebelum tarikh tutup Pendaftaran bersama salinan Kad Pelajar.
- 5.6 Sebarang pertukaran pemain selepas Pendaftaran dibuat adalah **TIDAK** dibenarkan kecuali **PENAMBAHAN** Pendaftaran Pemain adalah dibolehkan bagi mencukupi jumlah sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5.3.1, 5.3.2 dan 5.3.3 Pendaftaran Tambahan pemain ini hendaklah dibuat melalui **BORANG PENDAFTARAN PEMAIN (TAMBAHAN)** dan hendaklah diserahkan pada atau sebelum Taklimat Pengurus-pengurus Pasukan.
- 5.7 Pengesahan Penyertaan pada setiap peringkat hendaklah sampai kepada Urusetia Jawatankuasa Pengelola Kejohanan pada atau sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.
- 5.8 Senarai nama pemain mengikut regu hendaklah diserahkan kepada pengadil rasmi 30 minit sebelum jadual perlawanan dimulakan.

6. KAD MATRIK

Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad matrik sepanjang kejohanan dijalankan.

7. SISTEM PERTANDINGAN

7.1 Antara Regu Lelaki dan Wanita dan Bergu Lelaki,

Pertandingan akan dijalankan dalam DUA PERINGKAT iaitu peringkat kelayakan yang mengandungi SATU TAHAP dan SIRKIT AKHIR.

7.1.1 Peringkat Kelayakan

7.1.1.1 Pertandingan akan dijalankan secara **LIGA** Kumpulan satu pusingan dan regu-regu dibahagikan kepada kumpulan secara undian.

7.1.1.2 Pusingan kedua akan dijalankan secara **KALAH MATI** yang terdiri daripada Johan Kumpulan. Sementara Naib Johan kumpulan layak memasuki Pusingan Kedua sekiranya perlu, yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.

7.1.2 Sirkit Akhir

Pertandingan Sirkit Akhir yang akan dijalankan secara Liga kumpulan satu pusingan dan regu-regu dibahagikan kepada kumpulan dan Kalah Mati pada Pusingan Kedua. Jumlah Regu yang layak memasuki Sirkit Akhir adalah:

7.1.2.1 **Antara Regu Lelaki** sebanyak 32 regu yang mempunyai pungutan mata yang tertinggi.

7.1.2.2 **Bergu Lelaki** sebanyak 16 regu yang mempunyai pungutan mata yang tertinggi.

7.1.2.3 **Antara Regu Wanita** sebanyak 8 regu yang mempunyai pungutan mata yang tertinggi.

7.2 Pemberian Mata

7.2.1 Menang 2 – 0 - 3 mata

7.2.2 Menang 2 – 1 - 2 mata

7.2.3 Kalah - 0 mata

7.3 Cara memutuskan Keputusan

Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

- 7.3.1 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.
- 7.3.2 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA.
- 7.3.3 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang dan jika kaedah ini juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan.
- 7.4 Sekiranya penyertaan pasukan melebihi 50 regu pihak pengelola berhak menggunakan sistem kiraan 30 mata pada pusingan awal sahaja (sekiranya perlu).
- 7.5 Semua REGU mestilah berada 30 minit sebelum perlawanan dijadualkan bermula. Jika mana-mana REGU tidak melaporkan diri 10 minit selepas waktu yang dijadualkan atau melaporkan diri dengan pemain-pemainnya yang kurang dari 3 orang. Maka REGU berkenaan tidak layak meneruskan perlawanannya dan dianggap menarik diri.

8. JERSI

- 8.1 Seseorang pemain bagi setiap Regu hendaklah berjersi seragam dan bernombor yang kekal yang telah didaftarkan di sepanjang Kejohanan ini. Nombor-nombor JERSI bagi setiap Regu hendaklah dari nombor 1 – 18 sahaja.

9. PERALATAN

- 9.1 Bola yang digunakan **Gajah Emas**

10. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 10.1 Sila rujuk Peraturan Am Sukan MASUM bil 12

11. PENANGGUHAN

- 11.1 Sila rujuk Peraturan Am Sukan MASUM bil 11

12. KELEWATAN

- 12.1 Hanya 10 minit sahaja masa yang diberikan kepada sesuatu regu yang lewat dan selepas tamat tempoh masa tersebut, pihak lawannya yang berada di gelanggang akan diberikan kemenangan percuma dengan pemberian 3 MATA dan kiraan mata 21-0, 21-0.

12.2 Jika didapati sesuatu regu dengan sengaja menarik diri/memberikan kemenangan percuma, maka REGU berkenaan akan diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.

13 JADUAL DAN GELANGGANG

13.1 Jadual dan gelanggang perlawanan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM setelah berunding dengan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan dan akan diedarkan kepada semua REGU yang mengambil bahagian selewat-lewatnya semasa TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN yang akan diadakan sebelum perlawanan hari pertama.

13.2 Jadual yang telah ditetapkan adalah muktamad.

14. PEGAWAI-PEGAWAI PERTANDINGAN

14.1 Kejohanan ini akan diadili oleh Pengadil-pengadil ASTAF/KEBANGSAAN/NEGERI yang dilantik oleh Lembaga Pengadil AHLI yang menjadi tuan rumah.

14.2 Jawatankuasa Pengelola berhak melantik Penjaga-penjaga Garisan yang bertugas bagi setiap perlawanan.

15 HADIAH-HADIAH

15.1 Pusingan Kelayakan (Pertama dan Kedua)

14.1.1 Johan - Medal dan Sijil

14.1.2 Naib Johan - Medal dan Sijil

14.1.3 Ketiga (2 tempat) - Medal dan Sijil

15.2 Sirkit Akhir

14.1.1 Johan - Piala, Medal dan Sijil

14.1.2 Naib Johan - Medal dan Sijil

14.1.3 Ketiga (2 tempat) - Medal dan Sijil

16. PEMBERIAN MATA

BIL	KEDUDUKAN	MATA
1.	JOHAN	14
2.	NAIB JOHAN	12
3.	KETIGA	10
4.	KEEMPAT	8
5.	KALAH SUKU AKHIR	5
6.	PUSINGAN KEDUA	3
7.	PENYERTAAN	1